

NO. SOALAN : 350

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]

SOALAN

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) apakah logik dan rasionalnya Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) meluluskan kenaikan tambang teksi efektif 19 Mac 2015 walaupun harga minyak telah turun; dan
- (b) langkah-langkah yang telah dan akan diambil ke atas pemandu teksi untuk memberi perkhidmatan yang lebih berkualiti dan menaikkan imej negara yang mesra pelancong dan jumlah aduan ke atas perkhidmatan teksi yang diterima oleh SPAD dalam tahun 2010-2015 dan tindakan yang telah diambil oleh SPAD ke atas aduan yang diterima.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semakan tambang teksi telah dilakukan agar kadar tambang mencerminkan kos sebenar yang ditanggung dalam memberi perkhidmatan teksi. Semakan kadar tambang teksi yang terakhir telah dijalankan pada tahun 2009. Kajian terhadap bengkel-bengkel bebas, pembekal dan industri teksi telah jelas menunjukkan bahawa kos mengendalikan teksi telah meningkat berkali ganda sejak ia kali terakhir tambangnya dinaikkan iaitu sejak 6 tahun yang lalu.
2. Antara kos operasi yang meningkat termasuklah kos bahan api, kos penyelenggaraan termasuk tayar, bateri, dan serta kos baik pulih yang telah meningkat secara purata sebanyak 25%. Pada masa yang sama, insurans kenderaan juga telah meningkat sebanyak lebih kurang 15%.
3. Peningkatan-peningkatan ini telah memberi kesan kepada pendapatan pemandu teksi selama ini. Ia menyebabkan pemandu teksi terpaksa mengurangkan perbelanjaan untuk penyelenggaraan dan bekerja lebih masa bagi menjana pendapatan yang mencukupi untuk menampung hidup. Ini secara tidak langsung telah mendorong kepada faktor keselamatan dikompromikan.

4. Kajian berkenaan tidak hanya melihat dari aspek pemandu teksi sahaja tetapi turut mengambil berat impak terhadap pengguna. Sebagai contoh, dapatan kajian menunjukkan bahawa 62% daripada purata 230,000 perjalanan teksi sehari menggunakannya untuk perjalanan kurang daripada 6 kilometer (km). Dalam masa yang sama, bagi perjalanan antara 1 hingga 5 km, kadar baru teksi hanya mempunyai perbezaan antara 8 sen hingga RM1.45 berbanding kadar tambang sebelum ini. Kadar ini walaupun mempunyai kenaikan, namun nilainya masih boleh dikategorikan sebagai munasabah.

5. Dengan pengumuman tambang baru ini, pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yakin industri teksi akan menjadi lebih sihat dan mampan. Kualiti perkhidmatan teksi juga akan dapat ditingkatkan dan semua teksi akan dapat memberikan perkhidmatan yang baik pada setiap masa termasuk pada waktu puncak, mengikut kadar baru yang ditetapkan. Pada masa yang sama, ia boleh mencegah kes-kes teksi yang tidak menggunakan meter.

6. SPAD telah menjalankan beberapa inisiatif dalam penambahbaikan perkhidmatan teksi. Antaranya ialah:

- (i) Pelancaran perkhidmatan teksi 1 Malaysia atau TEKS1M yang menggunakan kenderaan berjenama Exora yang selesa bagi menggantikan teksi yang telah melebihi umur perkhidmatan 10 tahun ke atas. Kenderaan ini dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang baik serta mempunyai

ruang kepala, ruang kaki dan bagasi yang luas. Dengan ini, mutu perkhidmatan teksi dapat dipertingkatkan;

- (ii) Menjalankan program pemandu berhemah secara berkala bagi memastikan pemandu menjalankan perkhidmatan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi memastikan penumpang mendapat perkhidmatan yang terbaik. Di antara komponen-komponen di bawah program ini adalah pemeriksaan profil pemandu, latihan berkaitan dasar & perundangan, penerangan mengenai Kod Etika Pemandu Teksi, cara pengendalian Orang Kurang Upaya, pematuhan kepada Keselamatan & Sekuriti (ICOP-She), kursus khidmat pelanggan dan taklimat berkenaan lokasi-lokasi tumpuan pelancongan bagi menambah pengetahuan pengendali dan pemandu teksi; dan

- (iii) Melancarkan aplikasi "*Meter On*" bagi kegunaan orang ramai melalui telefon pintar. Dengan adanya aplikasi ini, pengguna boleh membuat pemeriksaan sendiri sama ada pemandu teksi yang bakal dinaiki itu memiliki lesen atau permit berdaftar dengan SPAD. Aplikasi ini dilengkapi enam ciri utama, iaitu pengesahan pemandu, penjejak perjalanan, anggaran tambang, penilaian pemandu, isyarat kecemasan (SOS) dan maklum balas/aduan. Ia akan dapat memberi rasa jaminan keselamatan kepada penumpang.

7. Dari tahun 2011 sehingga April 2015, SPAD telah menerima 26,733 aduan berkenaan pelbagai kelas teksi. Antara jenis aduan yang kerap di terima adalah kegagalan pemandu menggunakan meter, tatakelakuan pemandu, mengenakan tambang lebih, gagal menghantar penumpang dan memilih destinasi yang hendak dituju.

8. Antara tindakan yang diambil ke atas mana-mana pengendali dan pemandu teksi yang disabit kesalahan adalah dikenakan kompaun, penggantungan dan pembatalan permit kenderaan serta lesen pengendali, penggantungan dan pembatalan kad pemandu, amaran dan peringatan.

Sekian, terima kasih.